

22/02/1998

Malaysia hormati kebebasan Indonesia

KUALA LUMPUR: Malaysia menghormati kebebasan Indonesia untuk mengambil sebarang langkah yang difikirkan wajar dalam usaha menangani kemelut ekonomi di negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebagai negara merdeka, Indonesia bebas melaksanakan apa yang difikirkan sesuai tanpa mengikut telunjuk negara lain.

"Itu hak mereka. Bagi kita, Indonesia adalah negara merdeka yang mana jika mereka mahu melakukan sesuatu, mereka sepatutnya dibenarkan melakukannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung PPP di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian sewaktu ditanya sama ada beliau ada berbincang dengan Presiden Suharto mengenai rancangan terbaru Indonesia menangani kegawatan ekonomi, termasuk cadangan negara itu menubuhkan lembaga mata wang.

Bercakap kepada pemberita dalam majlis jamuan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina Jabatan Perdana Menteri pula, Dr Mahathir berkata, beliau menghantar Anwar menemui Suharto bagi mengetahui kedudukan sebenar negara itu dalam mengatasi masalah ekonominya.

"Suharto memberi penjelasan dan kita berpendapat sebagai Presiden sebuah negara yang bebas, sepatutnya dia diberi hak untuk menentukan nasib dia," katanya.

(END)